



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# Pelan Antirasuah Organisasi

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

Jabatan Landskap Negara 2026-2030



# Kandungan



- 01** Pengenalan
- 02** Isu dan Cabaran
- 03** Memperkasa Isu Pencegahan Rasuah
- 04** Tadbir Urus OACP JLN
- 05** Kesimpulan



# Perutusan Ketua Pengarah JLN

## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Integriti

Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Esa, dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya kita dapat meneruskan usaha membangun dan memperkukuh Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Landskap Negara (JLN) bagi sesi 2026-2030. Pelan ini merupakan satu langkah strategik yang berterusan dalam memperkasakan tadbir urus yang cekap dan berintegriti serta mempergiat usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan. Ia dirangka bagi menutup ruang dan peluang berlakunya gejala tidak berintegriti dalam organisasi melalui pendekatan pengurusan risiko yang lebih sistematik dan bersepadu.

Saya amat berbangga untuk menyatakan bahawa pelaksanaan Pelan OACP JLN sesi 2021-2025 telah mencapai sasaran 100% hasil komitmen tinggi dan kerjasama erat dari semua warga JLN serta pemegang taruh berkaitan. Kejayaan ini merupakan pencapaian besar yang memberi motivasi dan asas kukuh untuk melangkah ke hadapan.

Pelan OACP 2026-2030 dibangunkan dengan sasaran lebih tinggi dan komprehensif, agar dapat melangkaui kejayaan pelan sebelumnya. Fokus utama pelan ini adalah untuk memperkukuh budaya integriti, menambahbaik proses pengurusan risiko, dan mempertingkatkan kecekapan serta ketelusan secara holistik demi memastikan jabatan terus bebas rasuah dan responsif kepada perubahan cabaran semasa.

Selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan mampan berasaskan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan, Kerajaan telah menetapkan agenda utama untuk membanteras gejala rasuah serta memperkukuh kesaksamaan sosial. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui peranan strategiknya telah memperkasa pelaksanaan OACP bagi agensi di bawahnya, termasuk JLN. Pelan ini merangkumi strategi, pendekatan dan sasaran tindakan yang diadaptasi mengikut keperluan dan cabaran semasa organisasi. JLN komited untuk terus mengambil peranan preventif dan proaktif dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif terkini yang selaras dengan saranan Kementerian bagi memastikan aspirasi integriti dan tadbir urus yang cemerlang terus menjadi budaya kerja dalam jabatan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan kerjasama dalam proses penyediaan dan pelaksanaan OACP ini. Semoga dokumen ini menjadi panduan utama kepada semua Bahagian dan Unit di bawah JLN untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti dan dedikasi demi memastikan jabatan kita bebas rasuah dan berdaya saing sebagai peneraju pembangunan landskap negara.

**Mansor Bin Mohammad**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Landskap Negara



# Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Landskap Negara (JLN) 2026-2030 merupakan kesinambungan usaha terancang berlandaskan kejayaan pelan 2021-2025 dalam memperkukuhkan tadbir urus yang baik, menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan melalui sistem pengurusan risiko yang lebih holistik dan inklusif. Pelan ini dibina sejajar dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan arahan terkini Perdana Menteri berkaitan pemantapan governan, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran kerajaan.

Dokumen ini menggariskan tiga (3) strategi utama dalam menangani permasalahan isu integriti, governans dan rasuah. Tiga (3) bidang utama yang telah dikenalpasti terdedah kepada permasalahan isu integriti, governans dan rasuah di JLN iaitu tadbir urus, pengurusan kewangan dan perolehan dan pembangunan sumber manusia.



## Pengenalan

Merangkumi latar belakang organisasi dan tugas utama JLN.



## Isu & Cabaran

Merangkumi isu dan permasalahan bagi menghasilkan pelan tindakan yang sesuai.



## Memperkasa Isu Pencegahan Rasuah

Kerangka utama OACP JLN dan senarai pelan tindakan yang telah dihasilkan bagi mencapai visi dan misi OACP JLN.




## Tadbir Urus OACP JLN

Menyentuh aspek berkaitan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian.



## Kesimpulan

Merumuskan keseluruhan pelaksanaan pembangunan OACP JLN.





## **Allah SWT berfirman**

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kalian mengkhianati Allah dan Rasul-(Nya) dan (juga) janganlah kalian mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada kalian, sedangkan kalian mengetahuinya. Dan ketahuilah bahwa harta kalian dan anak-anak kalian itu hanyalah sebagai cubaan, dan sesungguhnya di sisi Allah lah pahala yang besar.”

*Surah Al-Anfal: Ayat 27-28*

# Bab 1



## 01 Pengenalan

- 1.1 Latar Belakang
- 1.2 Matlamat, Visi dan Misi
- 1.3 Fungsi Utama JLN
- 1.4 Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional
- 1.5 Keperluan Pembangunan OACP JLN
- 1.6 Carta Organisasi OACP JLN





# Latar Belakang

Agenda pembangunan landskap negara sentiasa menjadi keutamaan dalam membentuk persekitaran fizikal yang seimbang untuk kesejahteraan rakyat. Bermula dengan pembentukan Unit Landskap di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 1981, kemudiannya disusuli dengan penubuhan Jabatan Landskap Negara secara rasmi pada 1 Januari 1996 telah menjadi titik tolak kepada usaha mewujudkan persekitaran kehidupan berkualiti dan menyeluruh dengan halatuju yang jelas dan sistematik.

## Matlamat:

- Mewujudkan Negara Taman melalui Pembangunan landskap yang berkualiti dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat.

## Visi:

- Menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan dalam pembangunan landskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mampan dan beridentitikan Malaysia.

## Misi:


- Memastikan pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi menyediakan persekitaran hidup yang kondusif.

# Fungsi Utama JLN

**01**  
Merancang, menyelaras, melaksana dan mengawal selia pembangunan landskap, keperluan kawasan lapang, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara

**02**  
Penguatkuasaan perundangan, pelaksanaan dasar dan garis panduan pada pelbagai peringkat dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap.

**03**  
Menjana pembangunan dan pengembangan industri landskap.




**04**  
Melaksana dan menyelaras aplikasi program penyelidikan dalam pelbagai bidang berkaitan landskap.

**05**  
Menyediakan kepakaran teknikal yang mantap untuk pembangunan sumber landskap negara yang efisien.

**06**  
Menjadi penasihat kepada pelbagai peringkat kerajaan dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap.

**07**  
Sebagai pusat akreditasi landskap negara.



## Dasar, Integriti & Tadbir Urus Nasional

Dalam usaha ke arah bergelar status Negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pambanterasana gejala rasuah telah menjadi tunjang Negara. Oleh itu, terdapat beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada bulan April 2004 dengan matlamat melahirkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama kali diadakan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada Jun 2018 telah memutuskan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan PIN. NACP 2019-2023 adalah pelan komprehensif untuk menangani isu ketirisan, integriti, rasuah dan tadbir urus.

Susulan tamatnya tempoh NACP 2019-2023, Kerajaan telah melancarkan Strategi Pambanterasana Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 pada Mei 2024. Dokumen baharu ini merupakan kesinambungan usaha reformasi negara yang berfokus kepada lima teras utama: Pendidikan, Akauntabiliti Awam, Suara Rakyat, Penguatkuasaan, dan Insentif, dengan matlamat Malaysia bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Pelan ini bertujuan menetapkan sasaran dan hala tuju melalui segala inisiatif yang telah dikenal pasti bagi menangani isu ketirisan, integriti, rasuah dan tadbir urus dalam pengurusan JLN bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pelbagai bentuk usaha pencegahan rasuah yang sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional (PIN), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO), Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan yang terkini adalah NACS 2024-2028 serta Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang diselaraskan dengannya. Pelbagai aspek ditambah baik, dikaji dan diolah agar lebih komprehensif serta menyeluruh demi keberkesanannya dapat dilihat. Pelan ini juga perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang lebih baik manakala sistem arahan pelaksanaan dan pelaporannya juga perlu lebih jelas.



## PIN 2004

Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan objektif khusus bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama daripada pelbagai sektor lapisan masyarakat terhadap integriti. Agenda ini bertujuan menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat, memperkukuhkan asas moral masyarakat dan Negara di samping meningkatkan daya saing dan daya tahan Negara dalam usaha menangani cabaran globalisasi. Fasa pertama PIN adalah bertujuan:

- Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan.
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi birokrasi dan penyelewengan.
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan
- Memantapkan institusi keluarga.
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.
- Lima sasaran keutamaan ini menjadi agenda Kerajaan ke arah membudayakan integritimasyarakat



## PIO 2014

Selaras dengan hasrat dan inspirasi PIN, Pelan Integriti Organisasi OACP dirangka untuk meneruskan program-program penerapan nilai-nilai murni bagi membentuk jati diri, akauntabiliti dan keperibadian yang tinggi kepada warga JLN serta nilai dan etika penjawat awam yang bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan yang terbaik untuk kepuasan pelanggan sejajar dengan visi, misi JLN.





# KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) JLN



Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Landskap Negara (JLN) 2026-2030 merupakan kesinambungan daripada pelan 2021-2025 yang telah berjaya mencapai sasaran 100%. Pelan ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan dalam memperkukuhkan tadbir urus yang baik, meningkatkan nilai integriti dan antirasuah, serta menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan melalui pengurusan risiko yang lebih sistematik dan holistik.


Pelan tindakan ini dibangunkan selaras dengan inisiatif kerajaan di bawah Strategi 2 Pelan Antirasuah Nasional (NACP), bertujuan mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan menjamin ketelusan di setiap sektor awam, khususnya dalam bidang kewangan, perolehan, dan operasi harian jabatan.

Kerangka strategi OACP 2026-2030 dibina melalui perbincangan dan bengkel bersama pegawai kanan Jabatan bagi memastikan pendekatan pencegahan rasuah yang lebih efektif dan inovatif. OACP ini juga merangkumi usaha memupuk budaya integriti dan etika kerja yang menjadi teras amalan semua warga jabatan tanpa mengira peringkat.

Tujuan pelan ini adalah untuk:

- Memperkukuhkan tadbir urus organisasi melalui sistem pengurusan, etika, dan integriti yang tersusun bagi memastikan semua proses kerja dijalankan secara bertanggungjawab, telus dan cekap.
- Membanteras aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam semua aspek pengurusan organisasi.
- Meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi dan bebas penyelewengan.
- Mewujudkan sistem pengurusan risiko rasuah yang proaktif untuk mengenal pasti dan mengawal risiko secara berkesan.
- Memenuhi dan menyelaraskan keperluan serta arahan kerajaan dalam usaha melahirkan organisasi yang bersih, telus dan berintegriti.
- JLN beriltizam melaksanakan pelan ini dengan komitmen tinggi dari semua pihak demi memastikan Jabatan terus menjadi peneraju dalam pembangunan landskap negara yang bebas rasuah dan berintegriti, seterusnya membantu mencapai visi Negara Bebas Rasuah yang lebih gemilang.

# Carta Organisasi JLN



# Bab 2




## 02 Isu dan Cabaran

- 2.1 Statistik Rasuah
- 2.2 Isu dan Cabaran Menangani Rasuah
- 2.3 Pembangunan Pelan OACP JLN



Pada tahun 2024, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International adalah di kedudukan ke-57 daripada 180 negara dengan skor mata sebanyak 50%. Antara bidang tinjauan yang diukur oleh CPI:

- Rasuah
- Penyelewengan dana awam
- Penguatkuasaan mekanisme integriti
- Komitmen memerangi rasuah
- Penggunaan jawatan untuk kepentingan peribadi
- Sekatan ke atas kebebasan bersuara
- Pendakwaan pegawai korup
- Perundangan mengenai pendedahan kewangan
- Perlindungan undang-undang untuk pemberi maklumat



Data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penglibatan penjawat awam dalam kes rasuah menunjukkan sebanyak 5,229 tangkapan kes rasuah telah dilakukan sepanjang tahun 2020 hingga 2024, dengan 2,208 kes adalah daripada penjawat awam.

Daripada jumlah ini, sebanyak 68.75% kes adalah daripada kumpulan sokongan, 29.84% kes adalah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 1.40% kes melibatkan kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Sehubungan dengan itu, masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperbetulkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah.

# Isu dan Cabaran Memerangi Rasuah

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang iaitu;



## Tadbir Urus

Peruntukan undang-undang (Akta) yang tidak lagi bertepatan yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan



## Integriti

Berlakunya penyelewengan di dalam urusan yang melibatkan perolehan



## Sosial

Ikatan sosial yang rapuh menyebabkan hubungan bersifat materialistik dan terdapat kepentingan tersendiri.



# Pembangunan Pelan OACP JLN

- Setiap isu yang dikenal pasti akan diperincikan kepada pelbagai bidang yang berpotensi menjadi sumber gejala rasuah. Data analisis berdasarkan tempoh pemantauan lima tahun (2021-2025) diolah dengan mengambil kira nilai kekerapan isu serta impaknya terhadap keberkesanan organisasi, kestabilan ekonomi, dan kesejahteraan masyarakat.
- Isu-isu utama seperti kelemahan penguatkuasaan undang-undang, keberkesanan tindakan undang-undang, serta aspek tadbir urus yang tidak optimum kekal menjadi fokus utama dalam mesyuarat pengurusan strategik. Pelbagai kaedah inovatif dan penambahbaikan prosedur telah dirangka untuk memperkukuhkan proses kerja pegawai di semua peringkat jabatan.
- Perancangan OACP 2026-2030 menekankan langkah-langkah bagi menutup ruang dan peluang berlakunya ketidakpatuhan (non-compliance) dalam melaksanakan fungsi sebagai pihak berkuasa ataupun pihak berwajib yang dilantik untuk menguruskan hal berkaitan landskap. Pihak pengurusan turut menjalankan penilaian komprehensif terhadap punca kelemahan yang wujud dan mengesahkan inisiatif dan nasihat strategik yang berkesan bagi mengatasi risiko yang dikenal pasti secara sistematik dan berterusan.

# Bab 3



- 03** Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah
  - 3.1 Kerangka Utama OACP JLN
  - 3.2 Bidang-bidang Keutamaan Berisiko
  - 3.3 Ringkasan Kerangka OACP JLN 2026-2030
  - 3.4 Strategi dan Objektif Strategik
  - 3.5 Pelan Tindakan OACP JLN





## BIDANG KEUTAMAAN

## STRATEGI

Tadbir Urus



Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan.

Kewangan & Perolehan



Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan.

Pembangunan Modal Insan



Memperkukuh kompetensi modal insan dan profesionalisme.

## 01 VISI

Melahirkan Warga JLN yang Berintegriti Tinggi, Komited dan Proaktif dalam Melaksanakan Tugas demi Mewujudkan Organisasi Bebas Rasuah dan Berdaya Saing.

## 02 MISI

Memperkukuhkan Governans, Tadbir Urus, Integriti dan Budaya Anti-Rasuah kepada Warga JLN melalui Pematuhan kepada Undang-Undang, serta Inovasi dalam Pengurusan dan Perkhidmatan.

## 03 MATLAMAT

Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan, dan Kebertanggungjawaban dalam Proses Penyampaian Perkhidmatan JLN yang Unggul dan Berkesan.

# Bidang-bidang Berisiko

## Tadbir Urus

01



Bidang keutamaan Tadbir Urus memberi penekanan kepada usaha memperkukuh sistem pentadbiran, meningkatkan integriti dan akauntabiliti, memantapkan mekanisme semak dan imbang, serta mempertingkatkan ketelusan dalam setiap proses pengurusan organisasi. Amalan tadbir urus yang baik bertujuan memastikan pengurusan pentadbiran berjalan dengan cekap, efisien dan berintegriti, seterusnya menyokong penyampaian perkhidmatan awam yang responsif dan berkualiti.



## Kewangan & Perolehan

02



Bidang keutamaan Kewangan dan Perolehan memberi fokus kepada pengurusan dana awam yang telus, berhemat dan bertanggungjawab, serta pengendalian proses perolehan yang adil, cekap dan bebas daripada penyelewengan. Amalan terbaik dalam kewangan dan perolehan adalah penting untuk memastikan setiap perbelanjaan serta urusan perolehan Jabatan memberi nilai terbaik, mengelakkan pembaziran, meminimumkan risiko rasuah, dan memperkukuhkan kepercayaan serta integriti organisasi.



## Pembangunan Modal Insan

03




Bidang keutamaan Pembangunan Modal Insan menumpukan usaha untuk meningkatkan kualiti, kemahiran dan daya saing warga organisasi melalui pelbagai inisiatif pembelajaran, latihan serta pembangunan profesional yang berterusan. Pelaburan dalam modal insan bertujuan memastikan setiap anggota organisasi memiliki pengetahuan, integriti, sikap positif dan kompetensi tinggi, seterusnya menyokong kecemerlangan prestasi jabatan secara holistik serta berdaya saing di peringkat nasional.



# Ringkasan Kerangka OACP JLN 20226-2030

Kerangka ini secara menyeluruh menetapkan dan memperincikan aspek utama yang akan menyumbang kepada keberkesanan usaha pencegahan rasuah di organisasi. Tiga bidang keutamaan dikenal pasti bagi memacu pelaksanaan pelbagai strategi dan tindakan, sekaligus mendukung matlamat pencegahan rasuah serta pemantapan integriti Jabatan. Berikut adalah komponen utama yang membentuk OACP JLN 2026-2030.



## TADBIR URUS

**Strategi 1: Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan.**

Objektif Strategik 1.1: Meningkatkan akauntabiliti dan keupayaan organisasi.



## KEWANGAN & PEROLEHAN

**Strategi 2: Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan**

Objektif Strategik 2.1: Memastikan tahap ketelusan, keberkesanan dan akauntabiliti tertinggi dalam pengurusan kewangan dan perolehan bagi mengurangkan risiko rasuah dan meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan.



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

**Strategi 3: Memperkukuh kompetensi modal insan dan profesionalisme.**

Objektif Strategik 3.1: Meningkatkan modal insan berintegriti dan berakauntabiliti.



# Pelan Tindakan OACP JLN 2026-2030

## BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

NO.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
STRATEGI	1.0	Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan	
OBJEKTIF STRATEGIK	1.1	Meningkatkan akauntabiliti dan keupayaan organisasi	
1.1.1	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 (kecuali bagi jawatan Kader)	Bahagian Khidmat Pengurusan	3 tahun sekali (2026 & 2029)
1.1.2	Pelaksanaan Audit Kualiti MS ISO 9001:2015 untuk pemantauan prosedur kerja di Bahagian yang berkaitan.	Urus Setia MS ISO 9001:2015	Setiap tahun (2026-2030)
1.1.3	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0)	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2026-2030)
1.1.4	Pemantauan terhadap pengisytiharan harta pegawai.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 tahun sekali (2026, 2028 dan 2030)
1.1.5	Mempertingkatkan tahap prosedur/fasiliti kawalan keselamatan fizikal di bangunan pejabat untuk mengelakkan pencerobohan dan kebocoran maklumat terperinci.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan mengikut keperluan (2026-2030)
1.1.6	Pemantapan tadbir urus pengurusan rekod dan dokumentasi rasmi kerajaan secara holistik	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan mengikut keperluan (2026-2030)
1.1.7	Mempertingkatkan tahap pematuhan, disiplin dan integriti penjawat awam di JLN terhadap waktu bekerja rasmi serta memastikan penggunaan dan tanggungjawab kad pengenalan jabatan dipatuhi sepenuhnya selaras dengan peraturan dan pekeliling perkhidmatan awam yang berkuat kuasa.	Bahagian Khidmat Pengurusan Unit Integriti (Naziran Integriti)	Setiap tahun (2026-2030)

# Pelan Tindakan OACP JLN 2026-2030

## BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

NO.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
STRATEGI	2.0	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan	
OBJEKTIF STRATEGIK	2.1	Memastikan tahap ketelusan, keberkesanan dan akauntabiliti tertinggi dalam pengurusan kewangan dan perolehan bagi mengurangkan risiko rasuah dan meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan.	
2.1.1	Mengoptimumkan penggunaan platform sedia ada di laman web rasmi JLN untuk penerbitan maklumat perolehan yang diluluskan secara konsisten, proaktif, dan mengikut garis panduan open data kerajaan bagi memastikan ketelusan serta capaian awam yang terkini.	Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan Bahagian Teknologi Maklumat	Setiap tahun (2026-2030)
2.1.2	Menyeragamkan kriteria penilaian prestasi perunding dan kontraktor sedia ada ke dalam pangkalan data pusat, serta mewajibkan penggunaan data prestasi tersebut sebagai rujukan utama dalam semua proses pemilihan perunding, dan pemilihan tender dan sebut harga masa hadapan bagi memastikan pemilihan perunding dan kontraktor yang berkualiti, berintegriti dan berdaya saing.	Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan Bahagian Teknologi Maklumat	Setiap tahun (2026-2030)
2.1.3	Mengadakan program latihan dan bengkel secara berkala yang bekerjasama dengan agensi luar (cth: SPRM/IIM) yang memfokuskan kepada etika perolehan, pengurusan risiko fraud, dan tanggungjawab pelaporan salah laku.	Unit Integriti	Setiap tahun (2026-2030)
2.1.4	Melaksanakan audit secara berkala dan pemeriksaan fizikal di tapak projek untuk memastikan pelaksanaan kerja menepati skop, spesifikasi, dan terma kontrak yang telah dipersetujui.	Urus Setia MS ISO 9001:2015	Setiap tahun (2026-2030)

# Pelan Tindakan OACP JLN 2026-2030

## BIDANG KEUTAMAAN : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

STRATEGI	3.0	Memperkuh kompetensi modal insan dan profesionalisme
OBJEKTIF STRATEGIK	3.1	Meningkatkan modal insan berintegriti dan berakauntabiliti

NO.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Menganjurkan program latihan/kursus generik berkaitan nilai-nilai murni, integriti dan anti-rasuah kepada warga Jabatan.	Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat Unit Integriti	Setiap tahun (2026-2030)
3.1.2	Memastikan saluran sedia ada untuk melaporkan salah laku adalah selamat, sulit, dan berkesan (cth: sistem aduan dalaman yang terjamin kerahsiaannya).	Unit Integriti	Setiap tahun (2026-2030)
3.1.3	Memastikan pegawai JLN yang berkaitan, terutamanya di peringkat penyeliaan dan pengurusan, memiliki pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam menguruskan hal ehwal tatatertib dan siasatan, selaras dengan peraturan perkhidmatan awam yang berkuat kuasa.	Unit Integriti	2 tahun sekali (2026, 2028 dan 2030)

# Bab 4



## 04 Tadbir Urus OACP JLN

4.1 Mekanisme Pelaksanaan

4.2 Mekanismen Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian



## Mekanisma Pelaksanaan

Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah JLN dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Unit Integriti JLN bertindak sebagai Sekretariat penyelarass Pelan Antirasuah (OACP) JLN yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaiannya.

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JLN hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP sepertimana yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah (OACP) JLN, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada Pihak Pengurusan tertinggi, warga JLN, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar OACP JLN bergerak seiring dengan NACP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JLN hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

- a. **Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian**
  - Melaporkan status pencapaian dan pelaksanaan OACP JLN
  - Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan
- b. **Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Jabatan Landskap Negara (JLN)**
  - Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah OACP sebanyak tiga (3) kali setahun
  - Mengenal pasti penyelesaian terbaik isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan
  - Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi
- c. **Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JLN**
  - Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.
  - Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP



Penyelaras OACP Bahagian/Unit perlu melaksanakan pemantauan:

- i. Membuat perbandingan pencapaian dengan sasaran
- ii. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit
- iii. Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap suku tahun

Unit Integriti selaku urus setia induk OACP JPA perlu melaksanakan penyelarasan seperti berikut:

- i. Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP
- ii. Melaporkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi
- iii. Bahagian/ Unit melalui JTK JPA mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti

Penilaian terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa yang bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap pelan tindakan.
- ii. Menilai sama ada pelan tindakan menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai.
- iii. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang.
- iv. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.



# Bab 5



## 05 Kesimpulan



## Kesimpulan

Pelan Antirasuah Organisasi OACP JLN 2026-2030 dirangka sebagai garis panduan terkini kepada pegawai dan kakitangan JLN dalam memperkukuhkan sistem penyampaian serta perkhidmatan yang lebih strategik, cekap, berintegriti, bersih dan holistik. OACP ini menjadi landasan utama menghadapi cabaran dalaman dan luaran melalui pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tindakan preventif secara berterusan selaras dengan aspirasi semasa jabatan.

Pelaksanaan OACP JLN 2026-2030 memperlihatkan iltizam dan komitmen jabatan dalam mendukung dasar antirasuah negara dengan mengambil pelbagai pendekatan baharu dan penambahbaikan inisiatif, sejajar dengan agenda Malaysia bebas rasuah. OACP ini menekankan adaptasi terhadap cabaran semasa melalui pembudayaan integriti dan tadbir urus yang lebih telus di semua peringkat.

JLN berpegang kepada 3 Strategi utama, 3 Objektif Strategik dan 14 inisiatif menyeluruh yang digubal secara bersasar bagi memacu pengurusan antirasuah jabatan ke era baharu. Kerjasama berterusan dengan SPRM, IIM dan agensi berkaitan akan diteruskan untuk membanteras rasuah dan penyelewengan secara komprehensif, sekali gus memperkukuh integriti warga kerja JLN.

Setiap inisiatif yang dikenalpasti akan dipantau, dinilai dan dikaji secara berkala agar relevan dengan perubahan semasa persekitaran pentadbiran dan kehendak pemegang taruh. Pengurusan tertinggi JLN akan sentiasa responsif terhadap maklum balas, cadangan dan input baharu agar OACP JLN kekal sebagai rujukan utama untuk menangani salah laku serta memperjuangkan perkhidmatan awam yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi.





Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# Terima Kasih

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

Jabatan Landskap Negara 2026-2030

